



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN**

---

**PERUNTUKAN RM1 BILION BAGI eMADANI DIJANGKA MEMANFAATKAN  
SEHINGGA 10 JUTA RAKYAT MALAYSIA**

---

Ringkasan:

- Pendaftaran kredit e-tunai eMADANI dibuka mulai 4 Disember 2023 hingga 20 Februari 2024 dan kredit boleh dimanfaatkan sehingga 29 Februari 2024.
- 10 juta warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas dan penerima STR atau mempunyai pendapatan yang mana pendapatan tahunan tersebut adalah RM100,000 dan ke bawah layak menerima sumbangan kredit e-tunai eMADANI berjumlah RM100 bagi setiap individu.
- Empat penyedia perkhidmatan e-dompet terlibat dalam program iaitu MAE, Setel, ShopeePay dan Touch 'n Go eWallet.

Seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim tatkala bacaan kali kedua Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2024 (Belanjawan 2024), pendaftaran **Program eMADANI akan dibuka mulai Isnin, 4 Disember 2023**. Seramai 10 juta rakyat dewasa yang layak, meliputi golongan B40 dan M40, bakal menerima kredit e-tunai sebanyak RM100 sekali sahaja (*one-off*) melalui program ini.

Kerajaan telah memperuntukkan RM1 bilion untuk program ini yang telah diumumkan oleh YAB Dato' Seri Anwar semasa majlis peluncuran kerangka *Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat* pada 27 Julai 2023.

Program eMADANI ialah kesinambungan kepada kejayaan program eBeliaRahmah dan mempunyai objektif tiga serampang untuk memangkin pendapatan perusahaan mikro kecil sederhana (PMKS), menggalakkan pembayaran tanpa tunai (*cashless*) dan memanfaatkan rakyat.

“Menjelang hujung tahun dan musim cuti persekolahan, Kerajaan harap sumbangan eMADANI dapat sedikit sebanyak meringankan beban kewangan rakyat di samping memupuk budaya pembayaran tanpa tunai,” tambah YAB Dato' Seri Anwar.

“Pelaksanaan program eMADANI yang bermula Isnin depan adalah selaras dengan komitmen Kerajaan untuk menyegerakan pelaksanaan terutamanya langkah yang menyokong agenda pendigitalan ekonomi negara serta membantu rakyat secara langsung,” ujar beliau.

Sebanyak **empat penyedia perkhidmatan e-dompot pilihan pengguna iaitu MAE, Setel, ShopeePay dan Touch 'n Go eWallet** mengambil bahagian dalam program ini. Selain RM100 dalam bentuk kredit e-tunai daripada Kerajaan, **penyedia perkhidmatan e-dompot terlibat turut akan memberikan insentif tambahan** dalam bentuk baucar, pulangan tunai (*cashback*), diskaun atau mata ganjaran (*reward points*) sepanjang tempoh program ini.

Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:

- (i) Warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas pada 1 Januari 2023; dan
- (ii) Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) berdasarkan rekod pada 7 November 2023; atau
- (iii) Mempunyai pendapatan dan pendapatan tersebut adalah RM100,000 dan ke bawah setahun berdasarkan rekod Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) setakat 15 Julai 2023.

**Tempoh pendaftaran dan tuntutan eMADANI bermula dari 8.00 pagi, 4 Disember 2023 sehingga 20 Februari 2024** melalui aplikasi penyedia perkhidmatan e-dompot pilihan pengguna. Manakala penggunaan kredit eMADANI serta manfaat padanan daripada penyedia perkhidmatan e-dompot terlibat **hanya boleh dibelanjakan secara fizikal sahaja sehingga 29 Februari 2024.**

Kredit eMADANI juga boleh dimanfaatkan menerusi peruncit/peniaga yang menerima pembayaran melalui kod QR DuitNow dengan menggunakan salah satu e-dompot yang terlibat dalam program ini, tertakluk kepada transaksi yang dibenarkan.

Pemohon program eMADANI boleh merujuk Soalan Lazim (FAQ) melalui pautan <https://manfaat.mof.gov.my/eMADANI> atau <https://bantuantunai.hasil.gov.my> bagi mendapatkan maklumat lanjut.

**Kementerian Kewangan  
Putrajaya  
29 November 2023**